

Polisi Insurans Peralatan Elektronik

Electronic Equipment Insurance Policy

Bahawasanya Yang Diinsuranskan yang dinamakan dalam jadual kepada polisi ini telah membuat cadangan bertulis kepada **ZURICH GENERAL INSURANCE MALAYSIA BERHAD** (seterusnya dirujuk sebagai “Syarikat Insurans”) dengan mengisi borang soal selidik yang mana bersama sebarang kenyataan lain yang dibuat secara bertulis oleh Yang Diinsuranskan untuk tujuan Polisi ini dianggap sebagai terkandung di dalamnya.

*Whereas the Insured named in the Schedule hereto has made to the **ZURICH GENERAL INSURANCE MALAYSIA BERHAD** (hereinafter called “the Insurers”) a written proposal by completing a questionnaire which, together with any other statement made in writing by the Insured for the purpose of this Policy, is deemed to be incorporated herein.*

Maka Polisi Ini Memperakui bahawa tertakluk kepada Yang Diinsuranskan membayar kepada Syarikat Insurans premium yang dinyatakan dalam Jadual dan tertakluk kepada terma, pengecualian dan syarat yang terkandung dalam Polisi ini atau diendors kepadanya, Syarikat Insurans akan menanggung kerugian Yang Diinsuranskan dalam cara dan setakat mana yang ditetapkan seterusnya.

Now this policy witnesses that, subject to the Insured having paid to the Insurers the premium mentioned in the schedule and subject to the terms, exclusions, provisions and conditions contained herein or endorsed hereon, the Insurers will indemnify the Insured in the manner and to the extent here in after provided.

Polisi ini berkuatkuasa sama ada semasa peralatan yang diinsuranskan sedang digunakan atau tidak, atau sedang ditanggalkan untuk tujuan pembersihan, membaiki pulih atau untuk dipindahkan dalam kawasan premis, atau sewaktu menjalankan operasi yang tersebut itu, atau semasa dipasang semula kemudiannya, tetapi dalam sebarang kes hanya selepas berjaya digunakan setelah dipasang.

This Policy applies whether the insured items are at work or at rest, or being dismantled for the purpose of cleaning, overhauling or of being shifted within the same premises, or in the course of the aforesaid operations themselves, or during subsequent re-erection, but in any case only after successful commissioning.

PENGEQUALIAN AM GENERAL EXCLUSIONS

Syarikat Insurans tidak akan menanggung kerugian Yang Diinsuranskan bagi kehilangan atau kerosakan yang secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh atau timbul daripada atau menjadi lebih buruk disebabkan oleh:-

The Insurers shall not indemnify the Insured in respect of loss or damage directly or indirectly caused by, arising out of aggravated by

- a) peperangan, serangan, tindakan musuh asing, pertempuran, (sama ada perang diisytiharkan atau tidak), perang saudara, pemberontakan, revolusi, penderhakaan, dahagi, rusuhan, mogok, sekatan masuk, kekacauan awam, kuasa tentera atau rampasan kuasa, sekumpulan orang yang berniat jahat, atau orang-orang yang bertindak bagi pihak atau berkaitan dengan mana-mana pertubuhan politik, konspirasi, penyitaan, rampasan, pengambilalihan atau pembinasaan atau kerosakan atas perintah mana-mana kerajaan yang wujud secara sah atau secara hakiki atau oleh mana-mana pihak berkuasa awam; *war, invasion, act of foreign enemy, hostilities (whether war be declared or not), civil war, rebellion, revolution, insurrection, mutiny, riot, strike, lock-out, civil commotion, military or usurped power, a group of malicious persons or persons acting on behalf of or in connection with any political organisation, conspiracy, confiscation, commandeering, requisition or destruction or damage by order of any government de jure or facto or by any public authority;*
- b) reaksi nuklear, radiasi nuklear atau pencemaran radioaktif; *nuclear reaction, nuclear radiation or radioactive contamination;*
- c) tindakan disengajakan atau kecuaiian disengajakan oleh Yang Diinsuranskan atau wakil-wakilnya. *wilful act or wilful negligence of the Insured or his representatives.*

Dalam sebarang tindakan, saman atau prosiding lain di mana Syarikat Insurans mendakwa bahawa, atas sebab peruntukan Pengecualian a) di atas, sebarang kehilangan, kemusnahan atau kerosakan tidak dilindungi oleh Polisi ini, tanggungjawab untuk membuktikan bahawa kehilangan, kemusnahan atau kerosakan tersebut adalah dilindungi terletak kepada Yang Diinsuranskan. *In any action, suit or other proceeding where the Insurers allege that, by reason of the provisions of Exclusion a) above, any loss, destruction or damage is not covered by this Policy, the burden of proving that such loss, destruction or damage is covered shall be upon the Insured.*

SYARAT-SYARAT AM GENERAL CONDITIONS

1. Adalah menjadi syarat sebelum Syarikat Insurans menerima sebarang tanggungan untuk sebarang pembayaran di bawah Polisi ini, Yang Diinsuranskan dengan sewajarnya mematuhi dan memenuhi peraturan-peraturan Polisi ini setakat yang melibatkan apa yang harus dilakukan atau dipatuhi olehnya serta kebenaran kenyataan dan jawapan yang diberikan dalam cadangan. *The due observance and fulfilment of the terms of his Policy, in so far as they relate to anything to be done or complied with by the Insured and the truth of the statements and answers in the questionnaire and proposal made by the insured shall be a condition precedent to any liability of the Insurers.*
2. Jadual dan Seksyen (Seksyen-Seksyen) hendaklah dianggap sebagai tergabung dalam Polisi ini dan membentuk sebahagian daripadanya dan pernyataan "Polisi ini", di mana sahaja ia digunakan dalam kontrak ini, hendaklah dibaca sebagai termasuk Jadual dan Seksyen (Seksyen-Seksyen). Sebarang perkataan atau pernyataan yang disertakan dengan makna khusus dalam mana-mana bahagian Polisi atau Jadual atau Seksyen (Seksyen-Seksyen) hendaklah membawa makna khusus yang sama di mana juga ia digunakan
The schedule and the section(s) shall be deemed to be incorporated in and form part of this Policy and the expression "this Policy" wherever used in this contract, shall be read as including the schedule and the section(s). Any word or expression to which a specific meaning has been attached in any part of this Policy, of the schedule or of the section(s) shall bear such meaning wherever it may appear.
3. Yang Diinsuranskan hendaklah atas perbelanjaannya sendiri mengambil segala langkah berjaga-jaga yang sewajarnya dan mematuhi cadangan-cadangan Syarikat Insurans yang munasabah untuk mencegah kehilangan atau kerosakan dan mematuhi keperluan berkanun dan cadangan pengeluar.
The Insured shall at his own expense take all reasonable precautions and comply with all reasonable recommendation of the insurers to prevent loss or damage and comply with statutory requirements and manufacturer's recommendations.
4. a) Wakil-wakil Syarikat Insurans hendaklah pada setiap masa yang munasabah diberi hak untuk memeriksa dan menyiasat risiko dan Yang Diinsuranskan hendaklah menyerahkan kepada wakil-wakil Syarikat Insurans segala butir-butir dan maklumat yang diperlukan untuk penilaian risiko.
Representatives of the Insurers shall at any reasonable time have the right to inspect and examine the risk and the Insured shall provide the representatives of the Insurers with all details and information necessary for the assessment of the risk.

b) Yang Diinsuranskan hendaklah memberitahu Syarikat Insurans dengan serta-merta melalui telegram dan secara bertulis mengenai sebarang perubahan penting dalam risiko dan menanggung sendiri perbelanjaan untuk mengambil langkah-langkah tambahan yang mungkin diperlukan mengikut keadaan untuk memastikan keselamatan operasi peralatan-peralatan yang diinsuranskan, dan skop perlindungan dan/atau premium hendaklah, jika perlu, dilaraskan dengan sewajarnya. Perubahan penting yang meningkatkan risiko tidak boleh dibuat atau diakui oleh Yang Diinsuranskan, melainkan lanjutan perlindungan yang diberikan di bawah Polisi ini disahkan secara bertulis oleh Syarikat Insurans.
The Insured shall immediately notify the insurers by telegram and in writing of any material change in the risk and cause at his own expense such additional precautions to be taken as circumstances may require to ensure safe operation of the insured items, and the scope of cover and/or premium shall, if necessary, be adjusted accordingly. No material adjustment shall be made or admitted by the insured whereby the risk is increased, unless the continuance of the cover provided under this policy is confirmed in writing by the Insurers.

5. Sekiranya berlaku sebarang kejadian yang mungkin menimbulkan tuntutan di bawah Polisi ini, Yang Diinsuranskan Hendaklah:
- In the event of any occurrence which might give rise to a claim under this policy, the Insured shall*
- a) serta-merta memberitahu Syarikat Insurans menerusi telefon atau telegram dan juga secara bertulis, memberikan maklumat mengenai bentuk dan sejauh mana kehilangan atau kerosakan berlaku; *immediately notify the Insurers by telephone or telegram as well as in writing, giving an indication as to the nature and extent of the loss or damage;*
 - b) mengambil segala langkah yang munasabah di bawah kuasanya untuk mengurangkan tahap kehilangan atau kerosakan; *take all steps within his power to minimize the extent of the loss or damage;*
 - c) mengekalkan bahagian-bahagian yang rosak dan membolehkan ia diperiksa oleh wakil atau juruukur Syarikat Insurans; *preserve the parts affected and make them available for inspection by a representative or surveyor of the Insurers;*
 - d) mengemukakan segala maklumat dan dokumen bukti yang mungkin diperlukan oleh Syarikat Insurans; *furnish all such information and documentary evidence as the Insurers may require;*
 - e) melaporkan kepada pihak berkuasa Polis sekiranya kehilangan atau kerosakan disebabkan pecah masuk. *inform the police authorities in the case of loss or damage due to burglary.*

Syarikat Insurans tidak akan bertanggungjawab terhadap kehilangan atau kerosakan yang mana notis mengenainya tidak diterima oleh Syarikat Insurans dalam tempoh 14 hari selepas kejadian berlaku. Setelah notis diberikan kepada Syarikat Insurans di bawah syarat ini, Pemegang Insurans boleh terus membaiki semula atau memperbaiki sebarang kerosakan kecil; dalam semua kes lain wakil Syarikat Insurans hendaklah diberi peluang untuk memeriksa kehilangan atau kerosakan itu sebelum sebarang pembaikan atau perubahan dilakukan.

The Insurers shall on no account be liable for loss or damage of which no notice has been received by the insurers within 14 days of its occurrence. Upon notification being given to the Insurers under this condition, the Insured may carry out repairs of or make good any minor damage; in all other cases a representative of the Insurers shall have the opportunity of inspecting the loss or damage before any repairs or alterations are effected.

Sekiranya wakil Syarikat Insurans tidak melakukan pemeriksaan dalam tempoh masa yang boleh dianggap mencukupi mengikut keadaannya, Yang Diinsuranskan berhak untuk terus menjalankan pembaikan atau penggantian.

If a representative of the Insurers does not carry out the inspection within a period of time which could be considered adequate under the circumstances, the Insured shall be entitled to proceed with the repairs or replacement.

Tanggungjawab Syarikat Insurans di bawah Polisi ini terhadap mana-mana peralatan yang diinsuranskan akan tamat jika peralatan tersebut terus digunakan tanpa diperbaiki dalam cara yang memuaskan Syarikat Insurans atau jika pembaikan sementara dijalankan tanpa kebenaran Syarikat Insurans.

The liability of the Insurers under this Policy in respect of any insured item shall cease if said item is kept in operation after a claim without being repaired to the satisfaction of the Insurers, or if temporary repairs are carried out without the Insurers' consent.

6. Yang Diinsuranskan atas perbelanjaan Syarikat Insurans, hendaklah melakukan dan bersetuju untuk melakukan dan membenarkan dilakukan, segala tindakan dan perkara yang perlu atau dikehendaki oleh Syarikat Insurans untuk menjaga kepentingan sebarang hak atau remedi, atau untuk mendapatkan pampasan atau ganti rugi daripada pihak-pihak (selain daripada yang diinsuranskan di bawah Polisi ini) yang mana Syarikat Insurans berhak atau akan berhak atau sudah atau akan diserahkan hak menerima apabila mereka membayar untuk atau membaiki semula sebarang kehilangan atau kerosakan di bawah Polisi ini sama ada tindakan dan perkara sedemikian perlu atau dikehendaki dilakukan sebelum atau selepas Syarikat Insurans menjelaskan tanggungan kerugian kepada Yang Diinsuranskan.
- The Insured shall at the expense of the insurers do and concur in doing and permit to be done all such acts and things as may be necessary or required by the insurers in the interest of any rights or remedies, or of obtaining relief or indemnity from parties (other than those insured under this Policy) to which the Insurers are or would be subrogated to them upon their paying for or making good any loss or damage under this Policy, whether such acts and things are or become necessary or required before or after the insured's indemnification by the Insurers.*

7. Jika timbul sebarang percanggahan mengenai jumlah yang perlu dibayar di bawah Polisi ini (dengan tanggungan telah diperakui), percanggahan tersebut hendaklah dirujuk kepada keputusan seorang penimbangtara yang dilantik secara bertulis oleh pihak-pihak yang bercanggah atau, diputuskan oleh dua penimbangtara yang masing-masing dilantik secara bertulis oleh kedua-dua pihak jika mereka tidak bersetuju dengan penimbangtara tunggal, dalam tempoh satu bulan calendar selepas diperlukan berbuat demikian secara bertulis oleh salah satu pihak, atau seandainya kedua-dua penimbangtara tidak boleh mencapai persetujuan maka ia hendaklah diputuskan oleh seorang pengadil yang dilantik secara bertulis oleh kedua-dua penimbangtara sebelum mendengar perkara yang dirujuk. Pengadil akan duduk bersama kedua-dua penimbangtara dan mempengerusikan mesyuarat mereka. Satu keputusan mesti dibuat sebagai syarat sebelum mana-mana pihak berhak mengambil tindakan terhadap Syarikat Insurans. *If any difference arises as to the amount to be paid under this Policy (liability being otherwise admitted) such difference shall be referred to the decision of an arbitrator to be appointed in writing by the parties in difference or, if they cannot agree upon a single arbitrator, to the decision of two arbitrators, one to be appointed in writing by each of the parties, within one calendar month after having been required in writing so to do by either of the parties, or in case the arbitrators do not agree, of an umpire to be appointed in writing by the arbitrators before the latter enter upon the reference. The umpire shall sit with the arbitrators and preside at their meetings. The making of an award shall be a condition precedent to any right of action against the Insurers.*
8. a) Jika cadangan atau perakuan Yang Diinsuranskan tidak benar dalam sebarang hal penting, atau jika sebarang tuntutan dibuat berasaskan penipuan atau ditokok tambah, atau jika sebarang perakuan atau kenyataan palsu dibuat untuk menyokong tuntutan tersebut, maka Polisi ini akan terbatal dan Syarikat Insurans tidak akan bertanggungjawab untuk membuat sebarang pembayaran di bawahnya. *If the proposal or declaration of the insured is untrue in any material respect, or if any claim made is fraudulent or substantially exaggerated, or if any false declaration or statement is made in support thereof, then this Policy shall be void and the Insurers shall not be liable to make any payment hereunder.*
- b) Sekiranya Syarikat Insurans menolak tanggungan terhadap sebarang tuntutan dan jika satu tindakan atau saman tidak dimulakan dalam tempoh tiga bulan selepas penolakan sedemikian atau (dalam kes di mana penimbangtaraan dijalankan mengikut Syarat 7 Polisi ini) dalam tempoh tiga bulan selepas Penimbangtara-Penimbangtara atau Pengadil membuat keputusan mereka, segala faedah di bawah Polisi ini untuk tuntutan tersebut akan terbatal. *In the event of the Insurers disclaiming liability in respect of any claim and if action or suit is not commenced within three months after such disclaimer or (in the case of arbitration taking place in pursuance of Condition 7 of this Policy) within three months after the arbitrators or umpire have made their award, all benefit under this Policy in respect of such claim shall be forfeited.*
9. Jika pada masa timbul sebarang tuntutan di bawah Polisi ini terdapat sebarang insurans lain yang melindungi kehilangan atau kerosakan yang sama, Syarikat Insurans tidak bertanggungjawab untuk membayar atau menyumbang lebih daripada bahagian bersekadarnya bagi sebarang kehilangan atau kerosakan tersebut. *If at the time any claim arises under this Policy there is any other insurance covering the same loss or damage, the Insurers shall not be liable to pay or contribute more than their rateable proportion of any claim for such loss or damage*
10. Polisi ini boleh dibatalkan pada bila-bila masa atas permintaan Yang Diinsuranskan, dan sekiranya ini berlaku Syarikat Insurans akan menyimpan premium dikira pada kadar jangka pendek bagi tempoh Polisi ini telah berkuatkuasa. Polisi ini juga boleh dibatalkan pada bila-bila masa atas pilihan Syarikat Insurans dengan memberikan notis tujuh hari mengenainya kepada Yang Diinsuranskan, dan sekiranya ini berlaku Syarikat Insurans bertanggungjawab memulangkan kepada Yang Diinsuranskan apabila diminta bahagian premium yang bersekadar dengan Tempoh Insurans yang belum lupus dari tarikh pembatalan, ditolak sebarang caj pemeriksaan yang munasabah yang mungkin ditanggung oleh Syarikat Insurans dan ditolak sebarang diskaun jangka panjang yang diberikan ke atas premium. *This Policy may be terminated at the request of the Insured at any time, in which case the insurers will retain the customary short-period rate for the time this Policy has been in force. This Policy may equally be terminated at the option of the Insurers by seven days notice to that effect being given to the insured, in which case the insurers will be liable to repay on demand a rateable proportion of the premium for the unexpired term from the date of cancellation less any reasonable inspection charges the insurers may have incurred and less any long-term discount on premium granted.*

11. Di bawah insurans bagi akaun pihak ketiga, Waris berhak untuk menjalankan, atas namanya sendiri, hak-hak Yang Diinsuranskan. Tanpa mendapatkan kelulusan Yang Diinsuranskan, Waris seterusnya berhak untuk menerima sebarang ganti rugi yang dibayar di bawah Polisi ini dan untuk memindahkan hak-hak Yang Diinsuranskan biar pun Polisi ini tidak dipegang oleh Waris. Apabila membayar ganti rugi, Syarikat Insurans boleh meminta bukti bahawa Waris telah memberi kebenarannya terhadap insurans dan Yang Diinsuranskan telah memberikan kebenaran untuk benefisiari menerima ganti rugi.
- Under an insurance for a third party's account the Beneficiary shall be entitled to exercise, in his own name, the rights of the insured. Without obtaining the insured's approval, the Beneficiary shall further have the right to receive any indemnity paid under this Policy and to transfer the insured's rights even if the Beneficiary is not in possession of this Policy. Upon payment of an indemnity the Insurers may require evidence of the Beneficiary having given his consent to the insurance and of the insured having given his consent to the receipt of an indemnity by the Beneficiary.*
12. Ganti rugi akan dibayar satu bulan selepas Syarikat Insurans menentukan jumlah penuh yang perlu dibayar. Walau apa pun yang dinyatakan di atas, satu bulan selepas Syarikat Insurans diberitahu dengan sewajarnya mengenai kerugian dan telah mengakui liabiliti mereka, Yang Diinsuranskan boleh menuntut sebagai bayaran ansuran jumlah minimum yang perlu dibayar mengikut keadaan. Perjalanan tempoh itu hendaklah digantung selagi jumlah ganti rugi tidak dapat dipastikan atau tidak dapat dibayar atas sebab-sebab yang dalam kawalan Yang Diinsuranskan.
- The indemnity shall be payable one month after determination by the Insurers of the full amount due. Notwithstanding the above, the Insured may, one month after the insurers have been duly notified of the loss and have acknowledged their liability, claim as an instalment the minimum amount payable under the prevailing circumstances. The running of the periods shall be suspended for the time during which the indemnity is unascertainable or not payable due to reasons within the insured's control.*

Syarikat Insurans berhak untuk menahan pembayaran ganti rugi
The Insurers shall be entitled to withhold indemnification

- a) jika terdapat keraguan mengenai hak Yang Diinsuranskan untuk menerima ganti rugi, selagi Syarikat Insurans belum menerima bukti yang diperlukan;
if there are doubts regarding the Insured's right to receive the indemnity, pending receipt by the Insurers of the necessary proof;
- b) jika pemeriksaan oleh Polis atau satu penyisatan di bawah undang-undang jenayah berkaitan dengan tuntutan telah dimulakan terhadap Yang Diinsuranskan sehingga siasatan atau soal siasat tersebut selesai.
If in connection with the claim an examination by the police or an inquiry under criminal law has been instituted against the Insured, pending completion of such examination or inquiry.

SEKSYEN 1 - KEROSAKAN PENTING SECTION 1 - MATERIAL DAMAGE

Skop Perlindungan *Scope of Cover*

Syarikat Insurans dengan ini bersetuju dengan Yang Diinsuranskan bahawa jika pada bila-bila masa dalam Tempoh Insurans yang dinyatakan dalam Jadual atau dalam sebarang tempoh seterusnya yang mana Yang Diinsuranskan membayar dan Syarikat Insurans menerima Premium bagi pembaharuan Polisi ini, peralatan atau mana-mana bahagiannya yang disenaraikan dalam Jadual mengalami sebarang kehilangan atau kerosakan fizikal yang tidak diduga atau mengejut kerana sebarang sebab selain daripada yang dikecualikan secara khusus, dengan cara yang memerlukan pembaikan atau penggantian, Syarikat Insurans akan menanggung kerugian Yang Diinsuranskan untuk kehilangan atau kerosakan tersebut seperti diperuntukkan seterusnya, menerusi pembayaran wang tunai, penggantian atau pembaikan (atas pilihan Syarikat Insurans) setakat satu jumlah yang tidak melebihi dalam mana-mana satu tahun Insurans, jumlah yang ditetapkan untuk setiap peralatan yang dinyatakan dalam Jadual dan secara keseluruhannya tidak melebihi jumlah besar yang dinyatakan dalam Jadual sebagai Jumlah Yang Diinsuranskan.

The Insurers hereby agree that if at any time during the period of insurance stated in the schedule or during any subsequent period for which the Insured pays and the insurers may accept the premium for the renewal of this Policy, the items or any part thereof entered in the schedule suffer any unforeseen and sudden physical loss or damage from any cause other than those specifically excluded, in a manner necessitating repair or replacement, the insurers will indemnify the insured in respect of such loss or damage, as hereinafter provided, by payment in cash, replacement or repair (at the insurer's option) up to an amount not exceeding in any one year of insurance in respect of each of the items specified in the schedule the sum set opposite thereto and not exceeding in all the total sum expressed in the schedule as insured hereby.

Pengecualian Khas Kepada Seksyen 1
Special Exclusions To Section 1

Syarikat Insurans, bagaimanapun, tidak akan bertanggungjawab terhadap
The Insurers shall not, however, be liable for

- a) jumlah boleh dipotong yang dinyatakan dalam Jadual sebagai perlu ditanggung oleh Yang Diinsuranskan bagi mana-mana satu kejadian; sekiranya lebih daripada satu peralatan hilang atau rosak dalam satu kejadian, Yang Diinsuranskan tidak akan, bagaimanapun, diminta menanggung lebih daripada potongan tunggal tertinggi yang boleh dikenakan bagi peralatan-peralatan tersebut;
the deductible stated in the schedule to be borne by the Insured in any one occurrence; if more than one item is lost or damaged in one occurrence, the Insured shall not, however, be called upon to bear more than the highest single deductible applicable to such items;
- b) kehilangan atau kerosakan yang secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh atau timbul daripada gempa bumi, letupan gunung berapi, tsunami, ribut kencang, puting beliung atau taufan;
loss or damage directly or indirectly caused by or arising out of earthquake, volcanic eruption, tsunami, hurricane, cyclone or typhoon;
- c) kehilangan atau kerosakan yang secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh kecurian;
loss or damage directly or indirectly caused by theft;
- d) kehilangan atau kerosakan yang disebabkan oleh sebarang kesilapan atau kecacatan yang wujud pada masa Polisi ini mula berkuatkuasa yang diketahui oleh Yang Diinsuranskan atau wakil-wakilnya, sama ada kesilapan atau kecacatan itu diketahui oleh Syarikat Insurans atau tidak;
loss or damage caused by any faults or defects existing at the time of commencement of this Policy within the knowledge of the Insured or his representatives, whether such faults or defects were known to the insurers or not;
- e) kehilangan atau kerosakan yang secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh kegagalan atau gangguan sebarang perkhidmatan atau bekalan gas, air atau elektrik;
loss or damage directly or indirectly caused by the failure or interruption of any gas, water or electricity service or supply;
- f) kehilangan atau kerosakan yang diakibatkan secara langsung oleh kesan daripada operasi berterusan (iaitu kehausan dan kelusuhan, peronggaan, hakisan, kakisan, kerak) atau kemerosotan secara beransur-ansur disebabkan keadaan udara;
loss or damage as a direct consequence of the continual influence of operation (e.g : wear and tear, cavitation, erosion, corrosion, incrustation) or of gradual deterioration due to atmospheric conditions;
- g) sebarang kos yang ditanggung untuk mengatasi kegagalan fungsi, melainkan kegagalan tersebut disebabkan oleh kehilangan atau kerosakan kepada peralatan yang diinsuranskan, yang ditanggung kerugiannya;
any costs incurred in connection with the elimination of functional failures, unless such failures were caused by an indemnifiable loss of or damage to the insured items;
- h) sebarang kos yang ditanggung berkaitan dengan penyelenggaraan peralatan yang diinsuranskan, di mana pengecualian ini juga meliputi alat-alat yang ditukar dalam operasi penyelenggaraan sedemikian;
any costs incurred in connection with the maintenance of the insured items, such exclusion also applying to parts exchanged in the course of such maintenance operations;
- i) kehilangan atau kerosakan yang menjadi tanggungjawab pengeluar atau pembekal sama ada menurut undang-undang atau di bawah kontrak;
loss or damage for which the manufacturer or supplier of the insured items is responsible either by law or under contract;
- j) kehilangan atau kerosakan kepada peralatan yang disewa atau dipajak yang menjadi tanggungjawab pemilik sama ada menurut undang-undang atau di bawah perjanjian sewa pajak dan/atau penyelenggaraan;
loss of or damage to rented or hired equipment for which the owner is responsible either by law or under a lease and/or maintenance agreement;

- k) sebarang bentuk atau jenis kerugian atau liabiliti yang berturutan;
consequential loss or liability of any kind or description;
- l) kehilangan atau kerosakan kepada mentol, injap, tiub, riben, fius, penutup, tali sawat, wayar, rantai, tayar getah, alat-alat yang boleh ditukar ganti, silinder terukir, barangan diperbuat daripada kaca, tembikar atau seramik, penapis fabrik, atau sebarang bahan pengendalian (seperti minyak pelincir, bahan api, kimia);
loss of or damage to bulbs, valves, tubes, ribbons, fuses, seals, belts, wires, chains, rubber tyres, exchangeable tools, engraved cylinders, objects made of glass, porcelain or ceramics, sieves or fabrics, or any operating media (e.g : lubrication oil, fue, lchemicals);
- m) kecacatan pada rupa seperti calar pada permukaan bercat, bergilap atau enamel.
aesthetics defects, such as scratches on painted, polished or enamelled surfaces.

Bagi alat-alat yang dinyatakan di bawah l) dan m) di atas, Syarikat Insurans bertanggungjawab untuk membayar pampasan sekiranya alat-alat tersebut terjejas oleh kehilangan atau kerosakan kepada peralatan yang diinsuranskan, yang ditanggung kerugiannya.

In respect of the parts mentioned under l) and m) above, the Insurers shall be liable to provide compensation in the event that such parts are affected by an indemnifiable loss or damage to the insured items.

Peruntukan Yang Meliputi Seksyen 1 *Provisions Applying To Section 1*

Memo 1 - Jumlah Diinsuranskan *Memo 1- Sum Insured*

Hendaklah menjadi satu keperluan Insurans ini bahawa jumlah diinsuranskan adalah sama dengan kos penggantian peralatan yang diinsuranskan dengan peralatan baru yang sama jenis dan keupayaannya, yang bermakna kos penggantian termasuk tambang pengangkutan, yuran dan duti kastam, jika ada, dan kos pemasangan. Jika jumlah diinsuranskan adalah kurang daripada jumlah yang perlu diinsuranskan, Syarikat Insurans akan membayar hanya mengikut nisbah jumlah yang diinsuranskan kepada jumlah yang perlu diinsuranskan. Setiap peralatan, jika lebih daripada satu, adalah tertakluk kepada syarat ini secara berasingan.

It shall be a requirement of this insurance that the sum insured is equal to the cost of replacement of the insured items by new items of the same kind and capacity, which means their replacement costs including, e.g freight, customs duties and dues, if any, and erection costs. If the sum insured is less than the amount required to be Insured, the Insurers shall pay only in such proportion as the sum insured bears to the amount required to be insured. Every item if more than one shall be subject to this condition separately.

Memo 2 - Asas Indemniti *Memo 2- Basis of Indemnity*

- a) Dalam kes-kes di mana kerosakan kepada peralatan yang diinsuranskan boleh diperbaiki, Syarikat Insurans akan membayar perbelanjaan yang perlu ditanggung untuk memulihkan peralatan yang rosak kepada keadaan penggunaan asalnya serta kos penanggalan dan pemasangan semula yang ditanggung bagi tujuan melakukan pembaikan serta tambang pengangkutan biasa pergi balik ke kedai yang membaikinya, duti dan yuran kastam, jika ada, setakat mana perbelanjaan tersebut telah dimasukkan dalam jumlah diinsuranskan. Jika pembaikan dijalankan di bengkel yang dimiliki oleh Yang Diinsuranskan, Syarikat Insurans akan membayar kos bahan-bahan dan upah yang ditanggung bagi tujuan pembaikan ditambah peratusan yang berpatutan bagi menampung kos overhead. Potongan tidak akan dibuat bagi susut nilai alat-alat yang digantikan, tetapi sebarang nilai salvaj akan diambil kira. Jika kos pembaikan seperti dihuraiakan di atas adalah sama dengan atau melebihi nilai sebenar peralatan yang diinsuranskan sebelum berlakunya kerosakan, penjelasan hendaklah dibuat mengikut asas yang ditetapkan dalam (b) di bawah.

In case where damage to an insured item can be repaired, the Insurers shall pay expenses necessarily incurred to restore the damaged items to its former state of serviceability plus the cost of dismantling and re-erection incurred for the purpose of effecting the repairs as well as ordinary freight to and from a repair shop, customs duties and dues, if any, to the extent such expenses have been included in the sum insured. If the repairs are executed at a workshop owned by the Insured, the Insurers shall pay the cost of materials and wages incurred for the purpose of the repairs plus a reasonable percentage to cover overhead charges. No deductions shall be made for depreciation in respect of parts replaced, but the value of any salvage shall be taken into account. If the costs of repairs as detailed hereinabove equal or exceed the actual value of the insured items immediately before the occurrence of the damage, the settlement shall be made on the basis provided for in b) below.

- b) Dalam kes-kes di mana peralatan yang diinsuranskan musnah, Syarikat Insurans akan membayar nilai sebenar peralatan tersebut sebelum berlakunya kerugian, termasuk tambang pengangkutan biasa, kos pemasangan dan duti dan yuran kastam, jika ada, setakat mana perbelanjaan tersebut telah dimasukkan dalam jumlah yang diinsuranskan, di mana nilai sebenar tersebut dikira dengan menolak susut nilai yang wajar daripada nilai penggantian barang tersebut. Syarikat Insurans juga akan membayar sebarang caj biasa bagi menanggalkan peralatan yang musnah, tetapi nilai salvaj akan diambil kira. Peralatan yang musnah tidak lagi dilindungi di bawah polisi ini, dan segala maklumat yang perlu mengenai peralatan gantian yang berkaitan hendaklah dikemukakan untuk dimasukkan dalam Jadual. *In cases where an insured item is destroyed, the Insurers shall pay the actual value of the item immediately before the occurrence of the loss, including costs for ordinary freight, erection, customs duties and dues, if any, to the extent such expenses have been included in the sum insured, such actual value to be calculated by deducting proper depreciation from the replacement value of the item. The Insurers shall also pay any normal charges for the dismantling of the item destroyed, but the value of any salvage shall be taken into account. The destroyed item shall no longer be covered under this Policy, and all necessary date on the relevant substitute item shall be indicated for its inclusion in the schedule.*

(Syarikat Insurans boleh bersetuju - dengan menguatkuasakan pengendorsan yang berkaitan - untuk melanjutkan insurans ini bagi meliputi pembayaran balik nilai penggantian penuh.)

(The Insurers may agree - by application of the relevant endorsement - to extend this insurance to cover reimbursement of the full value.)

Mulai dari tarikh kejadian yang dilindungi, jumlah yang diinsuranskan akan dikurangkan untuk baki tempoh insurans sebanyak jumlah indemniti yang dibayar, melainkan jumlah yang diinsuranskan dipulihkan semula.

As from the date of an indemnifiable occurrence the sum shall be reduced for the remaining period of insurance by the amount of indemnity paid, unless the sum insured is reinstated.

Sebarang caj tambahan yang ditanggung untuk kerja lebih masa, kerja malam, kerja pada cuti umum, dan pengangkutan ekspres akan dilindungi oleh Polisi ini hanya jika dipersetujui dengan khusus secara bertulis.

Any extra charges incurred for overtime, night work, work on public holidays or express freight shall be covered by this insurance only if especially agreed in writing.

Kos sebarang perubahan, tambahan, peningkatan, atau membaik pulih tidak boleh dituntut di bawah Polisi ini.

The costs of any alterations, additions, improvements or overhauls shall not be recoverable under this Policy.

Kos sebarang pembaikan sementara akan ditanggung oleh Syarikat Insurans jika pembaikan sedemikian menjadi sebahagian daripada pembaikan muktamad dan tidak menambah jumlah perbelanjaan pembaikan. Syarikat Insurans akan membuat bayaran hanya selepas berpuas hati dengan segala bil dan dokumen yang perlu dikemukakan untuk menunjukkan bahawa pembaikan telah dilakukan atau penggantian dibuat, yang mana berkenaan.

The costs of any provisional repairs shall be borne by the Insurers if such repairs constitute part of the final repairs and do not increase the total repair expenses. The Insurers shall make payments only after being satisfied by production of the necessary bills and documents that the repairs have been effected or replacement has taken place, as the case may be.

SEKSYEN 2- MEDIA DATA LUAR

Section 2- External Data Media

Skop Perlindungan

Scope of Cover

Syarikat Insurans dengan ini bersetuju dengan Yang Diinsuranskan bahawa jika media data luar yang disenaraikan dalam Jadual, termasuk maklumat tersimpan di dalamnya yang boleh diproses secara langsung oleh sistem EDP, mengalami sebarang kerosakan penting yang dilindungi kerugiannya di bawah Seksyen 1 Polisi ini, Syarikat Insurans akan menanggung kerugian Yang Diinsuranskan terhadap kehilangan atau kerosakan tersebut seperti diperuntukkan seterusnya, setakat satu jumlah yang tidak melebihi, dalam mana-mana satu tahun insurans, jumlah yang ditetapkan bagi setiap media data yang dinyatakan dalam Jadual dan secara keseluruhannya tidak melebihi Jumlah Besar yang diinsuranskan di bawah ini, dengan syarat dalam segala hal bahawa kehilangan atau kerosakan tersebut berlaku dalam tempoh insurans yang dinyatakan dalam Jadual atau dalam sebarang tempoh seterusnya untuk mana Yang Diinsuranskan membayar dan Syarikat Insurans menerima Premium bagi pembaharuan Polisi ini. Perlindungan ini berkuatkuasa selagi Media Data yang diinsuranskan disimpan dalam premis.

The Insurers hereby agree with the insured that if the external data media entered in the schedule inclusive of the information stored thereon, which can be directly processed in EDP systems, suffer any material damage indemnifiable under Section 1 of

this Policy, the Insurer will indemnify the Insured, as hereinafter provided, in respect of such loss or damage up to an amount not exceeding in any one year on insurance in respect of each of the data media specified in the schedule the sum set opposite thereto and not exceeding in all the total sum insured hereby, provided always that such loss or damage occurs during the period of insurance stated in the schedule or during any subsequent period for which the Insured pays and the insurers may accept the premium for the renewal of this Policy. This cover applies while the insured data media are kept on the premises.

Pengecualian Khas Kepada Seksyen 2
Special Exclusions To Section 2

Syarikat Insurans, bagaimanapun, tidak akan bertanggungjawab terhadap:
The insurers shall, however, not be liable for

- a) jumlah boleh dipotong yang dinyatakan dalam Jadual sebagai perlu ditanggung oleh Yang Diinsuranskan bagi mana-mana satu kejadian; *the deductible stated in the schedule to be borne by the Insured in any one occurrence;*
- b) sebarang kos yang timbul daripada kesilapan mengaturcara, mencucuk, melabel atau memasukkan atau tidak sengaja membatalkan maklumat atau pembuangan media data, dan daripada kehilangan maklumat disebabkan oleh medan magnetik;
any costs arising from false programming, punching, labelling or inserting, inadvertent cancelling or discarding of data media and from loss of information caused by magnetic fields;
- c) sebarang bentuk atau jenis kehilangan berbangkit.
consequential loss of any kind or description whatsoever.

Peruntukan Yang Meliputi Seksyen 2
Provisions Applying To Section 2

Memo 1 - Jumlah Diinsuranskan
Memo 1 - Sum Insured

Hendaklah menjadi satu keperluan Insurans ini bahawa jumlah diinsuranskan adalah jumlah yang diperlukan untuk memulihkan media data luar yang diinsuranskan dengan menggantikan media data yang hilang atau rosak dengan bahan baru dan memasukkan semula maklumat yang hilang.

It shall be a requirement of this insurance that the sum is the amount required for restoring the insured external data media by replacing lost or damaged data media by new material and reproducing lost information.

Memo 2- Asas Indemniti
Memo 2 - Basis of Indemnity

Syarikat Insurans akan menanggung kerugian bagi sebarang perbelanjaan yang boleh dibuktikan telah ditanggung oleh Yang Diinsuranskan dalam tempoh 12 bulan dari tarikh kejadian semata-mata untuk tujuan memulihkan media data luar yang diinsuranskan kepada keadaan sama seperti sebelum berlakunya kejadian dan yang diperlukan untuk membolehkan operasi pemprosesan data diteruskan dengan cara yang biasa.

The Insurers shall indemnify any expenses that can be proved to have been incurred by the Insured within a period of 12 months as from the date of the occurrence strictly for the purpose of restoring the insured external data media to a condition equivalent to that existing prior to the occurrence and necessary for permitting data processing operations to be continued in the normal manner.

Jika data atau maklumat yang hilang tidak perlu dimasukkan semula, atau jika kemasukan semula tersebut tidak dilakukan dalam tempoh 12 bulan selepas kejadian, Syarikat Insurans akan hanya bertanggungjawab untuk membayar perbelanjaan yang ditanggung bagi menggantikan media data yang hilang atau rosak itu sahaja dengan bahan baru.

If this is not necessary to reproduce lost data or information, or if such reproduction is not effected within 12 months after the occurrence, the insurers shall only be liable to indemnify the expenses incurred for replacing the lost or damaged data media themselves by new material.

Mulai dari tarikh kejadian yang dilindungi, jumlah yang diinsuranskan akan dikurangkan untuk baki tempoh insurans sebanyak jumlah indemniti yang dibayar, melainkan jumlah yang diinsuranskan dipulihkan semula.

As from the date of an indemnifiable occurrence the sum insured shall be reduced for the remaining period of insurance by the

amount of indemnity paid, unless the sum insured is reinstated.

SEKSYEN 3- PENINGKATAN KOS KERJA
SECTION 3- INCREASED COST OF WORKING

Skop Perlindungan

Scope of Cover

Syarikat Insurans dengan ini bersetuju dengan Yang Diinsuranskan bahawa jika kerosakan penting yang dilindungi di bawah Seksyen 1 Polisi ini menimbulkan gangguan penuh atau sebahagian daripada operasi peralatan EDP yang disenaraikan dalam Jadual, Syarikat Insurans akan menanggung kerugian Yang Diinsuranskan, seperti diperuntukkan seterusnya, bagi sebarang perbelanjaan tambahan yang ditanggung bagi penggunaan peralatan EDP gantian yang tidak dilindungi di bawah Polisi ini sehingga jumlah tidak melebihi tanggungan kerugian sehari yang dipersetujui dan secara keseluruhannya tidak melebihi jumlah yang diinsuranskan dalam mana-mana satu tahun insurans. Dengan syarat dalam segala hal bahawa gangguan tersebut berlaku dalam tempoh insurans yang dinyatakan dalam Jadual atau dalam sebarang tempoh seterusnya untuk mana Yang Diinsuranskan membayar dan Syarikat Insurans menerima Premium bagi pembaharuan Polisi ini.

The Insurers hereby agree with the Insured that if material damage indemnifiable under Section 1 of this Policy gives rise to a total or partial interruption of operation of the EDP equipment entered in the schedule, the Insurers will indemnify the insured, as hereinafter provided, for any additional expenditure incurred for the use of substitute EDP equipment not covered under this Policy up to an amount not exceeding the agreed indemnification per day and not exceeding in all the sum insured in any one year of insurance, provided always that such interruption occurs during the period of insurance stated in the schedule or during any subsequent period for which the insured pays and the insurers may accept the premium for the renewal of this Policy.

Pengecualian Khas Kepada Seksyen 3

Special Exclusions To Section 3

Syarikat Insurans, bagaimanapun, tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang perbelanjaan tambahan yang ditanggung akibat:

The Insurers shall, however, not be liable for any additional expenditure incurred as a result of

- a) sekatan yang dikenakan oleh pihak berkuasa awam berkaitan pembinaan semula atau operasi peralatan EDP yang diinsuranskan;
restrictions imposed by public authorities concerning the reconstruction or operation of the EDP equipment insured;
- b) dana yang diperlukan tidak sempat diperolehi oleh Yang Diinsuranskan untuk memperbaiki atau menggantikan peralatan yang rosak atau musnah.
the necessary funds not being available to the Insured in time for repairing or replacing damaged or destroyed equipment.

Peruntukan-Peruntukan Yang Meliputi Seksyen 3

Provisions Applying To Section 3

Memo 1 - Jumlah Diinsuranskan

Memo 1 - Sum Insured

Hendaklah menjadi satu keperluan Insurans ini bahawa jumlah diinsuranskan yang dinyatakan dalam jadual adalah jumlah yang perlu dibayar oleh Yang Diinsuranskan sebagai perbelanjaan tambahan bagi penggunaan selama 12 bulan peralatan EDP gantian dengan keupayaan sama dengan peralatan EDP yang diinsuranskan. Jumlah diinsuranskan hendaklah berasaskan kadar yang dipersetujui bagi setiap sehari dan setiap bulan seperti ditetapkan dalam Jadual.

It shall be a requirement of this insurance that the sum stated in the schedule is the amount which the Insured would have to pay as additional expenditure for 12 months' use of substitute EDP equipment of similar performance to the EDP equipment insured. The sum insured shall be based on the amounts agreed per day and per month as specified in the schedule.

Penginsurans juga akan membayar balik yang diinsuranskan untuk biaya kakitangan dan kos bagi pengangkutan bahan berikutan sebarang kejadian yang menimbulkan tuntutan di bawah seksyen ini, dengan syarat jumlah berasingan telah dirangkumkan dalam jadual.

The Insurers shall also reimburse the Insured for personnel expenses and costs for transportation of materials following upon any event giving rise to a claim under this section, provided separate sums therefor have been entered in the schedule.

Memo 2- Asas Indemniti
Memo 2- Basis of Indemnity

Sekiranya berlaku kegagalan peralatan EDP yang diinsuranskan, Syarikat Insurans bertanggungjawab terhadap perbelanjaan tambahan yang dapat dibuktikan telah ditanggung bagi tempoh selama mana penggunaan peralatan EDP gantian diperlukan, tetapi paling lama bagi tempoh kidemniti yang dipersetujui.

In the event of failure of the EDP equipment insured the insurer shall be liable for the additional expenditure that can be proved to have been incurred for the period during which the use of substitute EDP equipment is essential, but at the most for the indemnity period agreed.

Tempoh indemniti akan bermula sebaik sahaja peralatan gantian mula digunakan.
The indemnity period shall commence as soon as the substitute equipment is put into use.

Yang Diinsuranskan hendaklah menanggung bahagian bersekadar setiap tuntutan yang bersamaan dengan masa melebihi tempoh yang dipersetujui.

The Insured shall bear that proportion of each claim which corresponds to the time excess agreed.

Jika berikutan gangguan operasi peralatan EDP yang diinsuranskan, didapati bahawa perbelanjaan tambahan yang ditanggung dalam tempoh gangguan adalah lebih tinggi daripada bahagian bersekadar Jumlah Tahunan Diinsuranskan yang perlu dibayar bagi tempoh in Syarikat Insurans hanya bertanggungjawab menanggung kerugian Yang Diinsuranskan bagi bahagian bersekadar Jumlah Tahunan Diinsuranskan yang perlu dibayar bagi tempoh gangguan, dengan mengambil kira tempoh indemniti yang dipersetujui.

If it is found following an interruption of the operation of the EDP equipment insured that the additional expenditure incurred during the period of interruption is higher than the proportionate share of the annual sum insured which is applicable to this period, the Insurers shall only be liable to indemnify the insured in respect of that proportion of the agreed annual sum insured which is applicable to the period of interruption, duly taking into account the indemnity period agreed.

Sebarang penjimatan kos akan diambil kira apabila mengira jumlah indemniti yang perlu dibayar oleh Syarikat Insurans.
Any savings in cost shall be taken into account when calculating the indemnity amount to be paid by the Insurers.

Mulai dari tarikh kejadian yang dilindungi, jumlah yang diinsuranskan akan dikurangkan untuk baki tempoh insurans sebanyak jumlah indemniti yang dibayar, melainkan jumlah yang diinsuranskan dipulihkan semula.

As from the date of an indemnifiable occurrence the sum shall be reduced for the remaining period of insurance by the amount of indemnity paid, unless the sum insured is reinstated.

NOTIS DI BAWAH AKTA PERLINDUNGAN DATA PERIBADI 2010 (PDPA)
NOTICE UNDER PERSONAL DATA PROTECTION ACT 2010 (PDPA)

Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 yang mengawal selia pemprosesan data peribadi dalam transaksi komersial, berkuat kuasa ke atas Zurich General Insurance Malaysia Berhad ("Syarikat"). Pemegang Insurans boleh membuat pertanyaan, aduan, permintaan mengakses, mengemas kini, membetulkan atau mengubah mana-mana data peribadi Pemegang Insurans, menghadkan pemprosesan data peribadi Pemegang Insurans dan/atau untuk memilih keluar daripada penggunaan Syarikat pada bila-bila masa selepas ini dengan mengemukakan permintaan tersebut kepada Syarikat dengan menghantar e-mel ke callcentre@zurich.com.my. Permintaan untuk memilih keluar mesti menyatakan dengan jelas nama penuh, nombor dokumen pengenalan, nombor polisi, nombor telefon dan alamat orang yang membuat permintaan tersebut.

The Personal Data Protection Act 2010 which regulates the processing of personal data in commercial transactions, applies to Zurich General Insurance Malaysia Berhad ("the Company"). The Insured may make inquiries, complaints, request for access, update, correct or change any of the Insured's personal data, limit the processing of the Insured's personal data and/or to opt-out of the Company's use at any time hereafter by submitting such request to the Company by sending an email to callcentre@zurich.com.my. Requests for opt-out must state clearly the full name, identity document number, policy number, telephone number and address of the person making such request.

Pemprosesan data peribadi Pemegang Insurans tertakluk kepada Notis Perlindungan Data Peribadi Zurich General Insurance Malaysia Berhad, seperti yang diterbitkan di <https://www.zurich.com.my/pdpa>.

The processing of the Insured's personal data is subject to Zurich General Insurance Malaysia Berhad's Personal Data Protection Notice as published on <https://www.zurich.com.my/pdpa>.

PROSEDUR UNTUK MEMBUAT ADUAN INSURANS
PROCEDURES FOR MAKING INSURANCE COMPLAINTS

Kami sentiasa bersedia memberikan pengalaman perkhidmatan pelanggan yang terbaik. Jika anda mempunyai sebarang aduan atau tidak berpuas hati berkaitan dengan sebarang produk atau perkhidmatan, kami bersedia memberikan perhatian. Anda boleh menghubungi Kami di:

We are committed to delivering the best customer experience. If you have any complaints or dissatisfactions with any of our products or services, we would like to hear from you. You can contact us at:

Zurich General Insurans Malaysia Berhad
Aras 23A, Mercu 3, No. 3, Jalan Bangsar, KL Eco City, 59200 Kuala Lumpur, Malaysia
Tel: 03 2109 6000 Faks: 03 2109 6888 Pusat Panggilan: 1 300 888 622 E-mel: callcentre@zurich.com.my

Alternatif Lain untuk Membuat Aduan
Other Avenues to Seek Redress

Jika anda tidak berpuas hati dengan keputusan akhir kami, anda boleh menulis surat kepada Ombudsman Perkhidmatan Kewangan (OPK) dengan butir-butir mengenai pertikaian dan maklumat Polisi anda.

Jika keputusan OPK memihak kepada anda berbanding kami, anda hendaklah memaklumkan OPK sama ada anda menerima atau menolak bayaran dalam tempoh (14) empat belas hari. Jika anda tidak setuju dengan bayaran tersebut, anda boleh menolak keputusan OPK. Anda bebas untuk memulakan tindakan mahkamah terhadap kami atau merujuk kes kepada Penimbangtaraan. OPK boleh dihubungi di alamat berikut:

If you are not satisfied with our final response or decision, you may write to Ombudsman for Financial Services (OFS) (formerly known as Financial Mediation Bureau) with details of the dispute and particulars of your policy.

If the OFS makes an award against us, you are required to inform the OFS of your decision to accept or deny the award within fourteen (14) days. If you do not accept the award, you may reject the decision of the OFS, you may choose to institute a court proceeding against us or refer it to Arbitration.

Ombudsman Perkhidmatan Kewangan
The OFS can be contacted through: Ombudsman for Financial Services (OFS)
Tingkat 14, Blok Utama, Menara Insurans Malaysia, No. 4, Jalan Sultan Sulaiman, 50000 Kuala Lumpur
Tel: 03 2272 2811 Faks: 03 2272 1577 E-mel: enquiry@ofs.org.my Laman web: www.ofs.org.my

Jika aduan anda berada di luar bidang OPK, anda boleh menyatakan ketidakpuasan hati anda kepada Laman Informasi Nasihat dan Khidmat (LINK) Bank Negara Malaysia di alamat berikut:

Secara Bertulis / Write to:

If your complaint does not fall within the purview of the OFS, you may refer your complaint to Laman Informasi Nasihat dan Khidmat (LINK) of Bank Negara Malaysia (BNM) at the following address:

Pusat Perhubungan Pelanggan Bank Negara Malaysia (BNMLINK), Peti Surat 10922, 50929 Kuala Lumpur.

Tel: 1 300 88 5465 (1-300-88-LINK) (Luar Negara: +603 2174 1717) Faks: 03 2174 1515 E-mel: bnmtelelink@bnm.gov.my

Secara Bersemuka / Walk-in:

Tingkat 4, Podium Bangunan AICB, No. 10, Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur.

PERUNTUKAN CUKAI
TAX PROVISION

Semua premium dan yuran di bawah Polisi ini mungkin tertakluk kepada Cukai. Sekiranya Cukai dikenakan, ia akan dinyatakan dalam invoie dan Zurich General Insurance Malaysia Berhad berhak untuk menuntut atau mengutip Cukai daripada pemilik polisi yang Diinsuranskan sebagai tambahan kepada premium dan/atau yuran yang perlu dibayar di bawah Polisi ini.

All premium and fees payable under this Policy may be subject to Tax. If Tax is imposed, it will be stated in the invoice and Zurich General Insurance Malaysia Berhad reserves the right to claim or collect the Tax from the Insured in addition to the premium and/or fees payable under this Policy.

Cukai ialah apa-apa bayaran semasa atau akan datang, langsung atau tidak langsung, cukai, levi atau duti termasuk cukai penggunaan atau apa-apa cukai seumpamanya, yang dikenakan kepada barangan atau perkhidmatan oleh kerajaan atau pihak berkuasa percukaian.

Tax shall mean any present or future, direct or indirect, tax, levy or duty, including consumption tax or any tax of similar nature, which is imposed on goods and services by government or tax authority.

IMPORTANT

The Insured shall read this Policy carefully, and if any error or misdescription be found herein, or if the cover be not in accordance with the wishes of the Insured, advice should at once be given to the Company and the Policy returned for attention.

PENTING

Yang Diinsuranskan hendaklah membaca Polisi ini dengan teliti, dan jika terdapat sebarang kesilapan atau salah tafsiran di dalamnya, atau jika perlindungan tidak mengikut kehendak Yang Diinsuranskan, Penginsurans perlu diberitahu dengan sertamerta dan Polisi dikembalikan untuk diberi perhatian.

The benefit(s) payable under this product is (are) protected by PIDM up to limits. For more information, please refer to PIDM's Takaful and Insurance Benefits Protection System brochure on our website www.zurich.com.my or on PIDM's website www.pidm.gov.my.

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah produk ini dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Untuk maklumat lanjut, sila rujuk brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM yang boleh didapati di laman web kami www.zurich.com.my atau di laman web PIDM www.pidm.gov.my.

*Sila Lampirkan Jadual Disini
Please Attach Schedule Here*

Zurich General Insurance Malaysia Berhad
Registration No. 201701035345 (1249516-V)
Level 23A, Mercu 3, No. 3, Jalan Bangsar, KL Eco City, 59200 Kuala Lumpur, Malaysia
Tel: 03-2109 6000 Fax: 03-2109 6888 Call Centre: 1-300-888-622
www.zurich.com.my



The trademarks depicted are registered in the name of
Zurich Insurance Company Ltd in many jurisdictions worldwide

